

PERGERAKAN PROSES LUKISAN KANAK-KANAK DALAM LAKARAN KASAR SENI VISUAL

The Movement of the Child Drawing Process in Visual Art Rough Sketches

Norshahidah Binti Mohd Rafi¹, Hakimi Bin Halim²

^{1,2}Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Universiti Malaysia Sarawak, 94300 Kota Samarahan, Sarawak, MALAYSIA

18020002@siswa.unimas.my¹, hhakimi@unimas.my²

*Corresponding Author

Received: 30 May 2021; Accepted: 09 March 2022; Published: 28 June 2022

To cite this article (APA): Mohd Rafi, N., & Halim, H. (2022). Pergerakan Proses Lukisan Kanak-kanak dalam Lakaran Kasar Seni Visual. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 11(1), 24-39. <https://doi.org/10.37134/jpak.vol11.1.3.2022>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/jpak.vol11.1.3.2022>

ABSTRAK

Kajian membincangkan bidang seni visual semakin berkembang pada bidang penyelidikan kanak-kanak merujuk kepada hasil lukisan kanak-kanak. Hasil lukisan kanak-kanak tersebut menghasilkan lakaran kasar yang mempunyai kaitan dengan pergerakan proses dalam seni visual. Isu meneliti perbandingan lukisan sebenar mempunyai persamaan dengan lukisan kanak-kanak melalui hasil lakaran kasar dalam proses lukisan. Kajian kemudian, menggunakan teori Park dan Kim melalui tiga proses aliran iaitu pemerhatian, imaginasi dan melukis dalam proses lukisan kanak-kanak. Proses analisis dilakukan bagi menganalisis lukisan kanak-kanak dengan lebih mendalam melalui kaedah analisis visual. Pengkaji telah melawat 8 buah tadika dan menjalankan aktiviti lukisan bersama-sama pelajar tadika. Soalan lukisan telah diberikan kepada kanak-kanak berkenaan kehidupan kanak-kanak dan hanya 3 orang pelajar dipilih berdasarkan empat soalan lukisan. Dapatan kajian meneliti penghasilan unsur-unsur seni yang telah digunakan oleh kanak-kanak meneliti lakaran kasar yang telah dihasilkan. Lukisan kanak-kanak meneroka daya kreativiti dan kemahiran kanak-kanak bagi memahami pemikiran kanak-kanak dalam seni visual.

Kata kunci: Lakaran kasar, Pergerakan proses, Lukisan kanak-kanak, Lukisan sebenar, Analisis visual, Unsur-unsur seni

ABSTRACT

Studies discussing the growing field of visual arts in the field of children's research refer to the results of children's drawings. The results of the children's drawings produce rough sketches that have to do with the movement of processes in visual art. The issue of examining the comparison of actual drawings has similarities with children's drawings through the results of rough sketches in the drawing process. The study then, uses Park and Kim's theory through three flow processes namely observation, imagination and drawing in the process of children's drawing. The analysis process is done to analyze children's drawings in more depth through visual analysis methods. The researcher visited 8 kindergartens and selected drawings by 3 kindergarten students based on 4 drawing questions selected based on the drawings produced. The findings of the study examined the production of art elements that have been used by children examining the rough sketches

that have been produced. Children's drawing explores children's creativity and skills to understand children's thinking in visual arts.


Keywords: *Rough sketch, Movement, Children's drawing, Real drawing, Visual analysi, Elements of art*

PENGENALAN

Seni dan kanak-kanak tidak boleh dipisahkan bagaikan langit dengan bumi. Kanak-kanak melakukan menconteng beranggapan mereka menghasilkan sebuah seni. Lowenfeld dan Brittain (1964) menyatakan pertumbuhan kanak-kanak terikat dengan perkembangan kreatif dan ekspresi kreatif tersebut berbeza pada setiap individu. Hasil lukisan kanak-kanak klasifikasikan kepada seni yang istimewa kerana karya seni kanak-kanak terdapat nilai-nilai yang membentuk intipati dan sifat seni itu sendiri. Lakaran yang dihasilkan mempunyai kaitan dengan psikologi kanak-kanak. Lowenfeld memberitahu (Hendri, Rohidi, Sayuti, & Soesanto, 2017) menyatakan seni membantu kanak-kanak dalam pelbagai fungsi seperti meningkatkan daya kreativiti, alat ekspresi dan perkembangan estetik. Oleh demikian, lukisan kanak-kanak mempunyai persamaan dengan lukisan sebenar dalam meluahkan perasaan dan melalui perbezaan yang jelas dalam hasil memproses lakaran lukisan.

Contengan atau lakaran kasar adalah alat komunikasi kanak-kanak dalam mewakili dan rakaman pengalaman dalam kehidupan kanak-kanak (Omatseye & Emeriewen, 2013). Ini kerana kanak-kanak menghasilkan garisan, contengan, goresan dan lakaran-lakaran yang lain berkaitan dengan luahan pemikiran kanak-kanak. Lakaran kasar kanak-kanak menekankan penggunaan lukisan kepada asas-asas lukisan Selain itu, lukisan kanak-kanak mampu berdiri sendiri tanpa bantuan orang lain dengan menyampaikan bentuk lukisan tersendiri. Ostrofsky, Kozbelt, Tumminia, & Cipriano (2016) menjelaskan, lukisan kanak-kanak mempunyai kelebihan tersendiri dengan melukis dengan melalui pemerhatian yang merangkumi ciri prototaip yang tidak dapat disalin dalam sebuah model. Hal tersebut menambahkan daya pemikiran kreativiti dalam menghasilkan gaya lukisan tersendiri kanak-kanak.

. Pada permulaan kanak-kanak melukis mengikut gerak hati dengan melakar menggunakan pelbagai garisan dan bentuk seperti garisan nipis, garisan tebal, bentuk geometrik dan bentuk organik. Merujuk Majid, Nordin, & Kamarodzan (2015), menerangkan penghasilan pelbagai garisan dalam lukisan kanak-kanak menggambarkan lakaran dalam membentuk objek yang ingin dilukiskan. Selain itu, lakaran kanak-kanak mempunyai persamaan dengan seni abstrak kepada lukisan bersahaja, lakaran rawak, contengan dan gaya bebas yang ditonjolkan. Penyataan Mcadam (2014), menjelaskan sifat abstrak yang menggunakan perbagai jenis garisan dan menghilangkan sifat realistik sekeliling pada lukisan kanak-kanak. Seperti yang dinyatakan Suzlee Ibrahim (Jamaluddin, 2014), lukisan abstrak tidak memerlukan penerangan panjang lebar kerana lukisan tersebut meluahkan perasaannya sendiri dengan mewakili gerakan dalam penggunaan garisan kasar dalam lukisan. Seni abstrak melihat dengan jelas hasil lukisan kasar kanak-kanak dikaitkan dengan seni lukisan. Permasalahan kajian dibawah menerangkan perbezaan hasil lukisan kanak-kanak dan hasil lukisan sebenar.



Gambar 1 dan 2: Lukisan seni abstrak dari pelukis Suzlee Ibrahim yang mempunyai persamaan dengan lakaran kasar kanak-kanak

PERMASALAHAN KAJIAN

Berdasarkan kajian ini, lukisan kanak-kanak mempunyai persamaan dengan lukisan sebenar dari segi penghasilan hasil lukisan. Namun, proses penghasilan lukisan sebenar mempunyai proses rangka kerja yang panjang dan rumit. Manakala lukisan kanak-kanak melalui proses rangka kerja lukisan yang pendek yang akan diterangkan secara terperinci pada bahagian metodologi. Pengkaji melihat proses lukisan kanak-kanak mempunyai kepentingan dan boleh dikembangkan dengan lebih berkesan. Hal ini kerana lukisan kanak-kanak mempunyai rujukan yang sendiri dan membina rangka kerja penyelidikan terutama dalam seni visual. Merujuk Park dan Kim (2017), menjelaskan bahawa proses reka bentuk seni lakaran adalah merupakan bahan lakaran visual daripada media melibatkan persepsi pengetahuan dan konsep yang membolehkan reka bentuk kreatif berlaku. Hal ini menjelaskan bahawa proses lakaran seni amat penting dalam menunjukkan proses atau langkah tersebut wujud sebagai bahan bukti proses seni yang lebih mendalam.

Sehubungan dengan itu, terdapat persamaan dalam proses lakaran kanak-kanak dan lukisan yang sebenar merujuk kepada proses penghasilan lukisan tersebut. Proses penghasilan melalui proses imaginasi, pemikiran, idea, lakaran kasar dan proses-proses lain yang berkaitan. Oleh itu, kedua-dua lukisan tersebut mempunyai titik persamaan, namun terdapat perbezaan antara kedua lukisan tersebut. Perbezaan tersebut dilihat dari segi jangka masa hasil lukisan. Jangka masa lukisan sebenar mempunyai proses yang panjang dan rumit kerana melibatkan proses pencarian rujukan, proses praktikal kerja lukisan dan memerlukan kata pandangan untuk mengkritik. Manakala, lukisan kanak-kanak menggunakan jangka masa yang singkat yang hanya melibatkan kanak-kanak dan peralatan lukisan sahaja. Tambahan lagi, langkah proses lukisan sebenar melalui tiga proses dalam menghasilkan lukisan iaitu sebelum, semasa dan selepas. Lownfeld (Taisin, 2018) lukisan orang dewasa menitik beratkan kecantikan dan kesempurnaan dalam menghasilkan karya ini. Ini kerana proses lukisan sebenar memerlukan penelitian yang menyeluruh bagi menghasilkan lukisan yang menarik dan berkualiti. Kajian seterusnya, merujuk lukisan kasar kanak-kanak melibatkan pergerakan proses lukisan kanak-kanak.

KAJIAN LITERATUR

PERGERAKAN LUKISAN KANAK-KANAK

Kajian literatur menfokuskan lakaran kasar melibatkan kepada garisan, bentuk, contengan, imej, subjek, objek dan lakaran yang seperti bergerak dalam imaginasi kanak-kanak. Pergerakan lukisan tersebut mengaitkan dengan gaya pemikiran dan gambaran disekeliling mereka yang aplikasi di atas kertas. Menurut Jussem (Kimwah & Arus, 2017) gerakan dapat dilihat melalui penghasilan garisan yang kemas dan penggunaan warna melambangkan ciri-ciri sejarah etnik budaya. Beliau menerangkan lukisan merupakan hasil lukisan yang bukan hanya gambaran tetapi menyimpan memori pengalaman beliau pada budaya atau etnik beliau. Begitu juga lukisan kanak-kanak yang melukis berdasarkan pemerhatian pengalaman kehidupan disekelilingnya. Hal tersebut dipersetujui oleh Cherney, Seiwert, Dickey, & Flichtbeil (2006), menyatakan lukisan kanak-kanak berkeupayaan untuk menyusun, memudahkan, menyimpan maklumat dengan memanipulasi dan mengubah maklumat kepada bentuk lukisan. Hal tersebut dapat melihat hasil lukisan kanak-kanak merujuk kepada dari satu lukisan kepada satu lukisan lain yang seolah bergerak seperti sebuah penceritaan yang boleh dirujuk gambar 5,6 dan 7. Tajuk kajian dibawah menerangkan dengan lebih lanjut berkaitan hasil lukisan sebenar berkaitan dengan lakaran kasar kanak-kanak dan contoh rujukan artis.

LUKISAN PELUKIS SEBENAR

Penghasilan lukisan orang kanak-kanak tidak sama dengan lukisan dewasa kerana mempunyai proses yang berbeza. Merujuk Einstein (Hanafi, Ramli, & Musa Kahn, 2014) menerangkan, penguasaan minda pengkarya adalah lebih tajam berbanding dengan ilmu pengetahuan. Orang dewasa mempunyai kekuatan yang sendiri dengan merujuk realistik iaitu lukisan seolah-olah serupa dengan wajah, figura atau objek yang sebenar. Tambahan lagi, pengkarya lukisan memerlukan banyak latihan lukisan untuk percubaan dan kesilapan, latihan tangan, mengasah minda dan perlu memperbanyakkan pengalaman latihan lakaran lukisan. Seperti dinyatakan oleh Chamberlain & Wagemans (2015), pengkarya hendaklah menjalani proses melukis berulang kali untuk meningkatkan kemahiran melukis agar kesalahan lukisan dapat dikurangkan. Tambahan lagi, seorang pelukis perlu berfikir secara kritis dengan penemuan idea-idea baru dalam melihat isu-isu semasa, penggunaan media, melawat galeri seni dalam dalam mencari buah fikiran yang baru. Pengkaji mengaitkan tajuk kajian ini dengan rujukan rujukan oleh dua pelukis yang menggunakan lakaran kasar sebagai hasil lukisan.

a) Rujukan Artis ke-1 dan ke-2

Kajian kes pertama adalah Leonardo da Vinci yang menggunakan lakaran pencil sebagai bahan lakaran lukisan atas kajian yang beliau jalankan (Leonardo da Vinci Biography, 2012). Rujukan buku Leonardo da Vinci: Anatomical Drawings (Kevle, 2012) menjelaskan lukisan beliau menerapkan pergerakan tubuh manusia pada pusat graviti seperti berjalan, berlari dan berenang. Manakala, pada artis Malaysia, memilih artis bernama Datuk Mohd Nor Khalid atau kenali sebagai Lat. Ini kerana beliau menghasilkan komik kartun dengan menggunakan pelbagai garisan, rupa, bentuk dan latar belakang hitam dan putih.

Kartun beliau bertajuk *The Kampung Boy* menceritakan isu komuniti masyarakat Malaysia yang hidup dalam suasana perkampungan yang diduduki tiga komuniti kaum terbesar iaitu melayu, cina dan india (Noordin, 2019). Lakaran ini juga secara langsung meneliti bahagian proses yang tidak dijelaskan dengan tepat dapat diterangkan dengan jelas pada sesuatu perkara tersebut. Kajian seterusnya adalah kajian metodologi menerangkan proses lukisan kanak-kanak dan kaedah analisis visual dengan lebih terperinci.



Gambar 3 dan 4: Menunjukkan dua lukisan artis Leonardo dan Lat yang berkemahiran untuk melakar lukisan kasar.

KAJIAN METODOLOGI

Kajian metodologi menfokuskan kepada penghasilan lukisan kanak-kanak dan kaedah analisis visual. Pengkaji melakukan aktiviti pengumpulan data lukisan kepada lapan buah tadika. Aktiviti bermula pada lawatan tadika pada tahun 2019 di kawasan luar bandar di daerah Sabak Bernam, Selangor. Tiga buah tadika telah dilawati oleh pengkaji iaitu Tadika Anggerik (5 Julai), Tabika Kemas Batu 38 (29 Julai) dan Tabika ladang Torkinton (29 Julai). Pada 7 dan 8 Julai, lawatan tadika dilakukan di negeri Pahang iaitu Tadika Asuhan Tunas Islam dan Tadika Permata Hidayah. Aktiviti diteruskan melakukan aktiviti di Tadika Pasti Munirah di Kuang, Selangor (21 Ogos) dan kemudian di Tadika Perpaduan di Slim River, Perak (23 Ogos). Lawatan berakhir di Tadika Calph Mtyaz di Klang, Selangor pada 30 Ogos.

Kajian ini dilakukan berdasarkan kaedah pemerhatian dengan melihat dengan lebih mendalam proses penghasilan lukisan kepada memerhati tingkah laku kanak-kanak terhadap lakaran. Proses tersebut adalah untuk mengukuhkan lagi kajian yang dijalankan ke atas kanak-kanak bersama aktiviti lukisan yang dijalankan. Pada proses seterusnya, pengkaji mengaplikasikan kaedah analisis visual kepada hasil lukisan kanak-kanak dengan penggunaan unsur-unsur seni. Langkah-langkah analisis lukisan kanak-kanak pada unsur-unsur seni akan diterangkan lebih lanjut kerana agar proses mudah difahami pembaca pada bahagian tersebut.

PROSES PENGHASILAN LUKISAN KANAK-KANAK

Kajian literatur menfokuskan kepada hasil lukisan kanak-kanak kepada kaedah analisis visual. Proses hasil lukisan kanak-kanak mempunyai reka bentuk yang lebih singkat

berbanding lukisan sebenar. Hal ini kerana proses lukisan sebenar mempunyai rangka kerja yang lebih panjang seperti sebelum proses lukisan, semasa proses lukisan dan selepas proses lukisan. Merujuk lukisan yang sebenar, proses tersebut juga akan berubah-ubah mengikut seseorang yang berpengalaman dan kurang berpengalaman dalam proses lukisan. Seterusnya, pengkaji menggunakan reka bentuk visual analisis yang diperkenalkan oleh Park Jung Ae dan Kim Yong Se yang ditunjukkan pada jadual satu. Berikut merupakan tiga langkah proses lukisan kanak-kanak dan penerangan.



Jadual 1: Proses analisis visual merujuk kepada Park dan Kim (2007)

1) **Pemerhatian**

Proses pemerhatian pada lukisan kanak-kanak dilakukan dengan memahami dan pentaksiran soalan kajian yang diberikan. Pentaksiran bermaksud proses mendapatkan maklumat dan membuat pertimbangan atas sesuatu proses (Titus, 2014). Proses tersebut menyebabkan kanak-kanak banyak membuat penimbangan, penilaian dan taksiran atas pemerhatian tersebut. Melibatkan proses ini, pengkaji memberikan penerangan berkaitan soalan kehidupan kanak-kanak dengan melukis aktiviti tersebut. Contoh lukisan diberikan kanak-kanak untuk dijadikan bahan rujukan pemerhatian kanak-kanak dalam menghasilkan lukisan. Proses ini, melibatkan penggunaan emosi daripada pemerhatian dalam penghasilan lukisan (Abdul, Ismail, Mohamad, & Osman, 2019). Perkara tersebut memberikan pelbagai emosi semasa proses menyiapkan tugas seperti perasaan gembira, sedih, geram dan lain-lain. Kanak-kanak mula memerhati perkara disekeliling dengan gaya lukisan kawan-kawan tersebut. Merujuk bahagian buku bertajuk Konsep dan Latar Belakang Seni dalam Pendidikan, kanak-kanak melakukan pemerhatian disekelilingnya melalui gerak balas, pengamatan, pendengaran dan responsif deria memberikan idea dari peniruan yang diperhatikan (Hardy, 2011). Proses ini memberikan idea pada kanak-kanak kepada proses imaginasi yang seterusnya untuk menghasilkan lakaran lukisan.

2) **Imaginasi**

Melalui proses imaginasi, kajian ini memberikan kebebasan kepada kanak-kanak untuk berfikir tentang lukisan mereka. Kanak-kanak mempunyai keupayaan untuk berkhayal seperti berimaginasi menjadi sesuatu watak pekerjaan disukai seperti polis, cikgu, askar, doktor dan lain-lain (Laugahong, 2020). Merujuk Santrock (Sampurno, 2017), membina dunia gambaran kepada simbolik dan mental berimaginasi pada objek yang tidak wujud. Hal tersebut meneliti, daya pemikiran kanak-kanak diaplikasikan dalam bentuk hasil lukisan. Ini kerana hanya kanak-kanak memahami apa yang dihasilkan dan memberikan penjelasan atas lukisan dihasilkan oleh hanya kanak-kanak kerana hanya mereka yang memahaminya. Proses lukisan yang seterusnya membincangkan gaya lukisan kanak-kanak mempunyai perbezaan dengan gaya lukisan orang dewasa.

3) Melukis

Proses ketiga adalah proses analisis terakhir dalam proses penghasilan lukisan kanak-kanak. Bentuk lakaran kanak-kanak lebih bersahaja dengan menggunakan garisan, rupa, bentuk, contengan dan lakaran yang lain. Menurut Ibhari dan Yatim (2013), lakaran kanak-kanak adalah bersahaja, subjektif, melukis tanpa banyak sekatan dan dapat melakukan dengan ringkas. Selain itu, kanak-kanak tidak mempunyai pengalaman melukis berbanding pelukis sebenar yang terlibat dalam bidang lukisan sejak muda. Saat (2006) menjelaskan, lukisan kanak-kanak tertumpu dengan proses berfikir dengan lebih kritis dan praktikal penggunaan pencil dengan lebih baik. Berikut merupakan kajian tiga proses utama dalam meneliti proses pergerakan lukisan kanak-kanak. Berdasarkan kajian metodologi dibawah, pengkaji menerangkan proses pengumpulan data dan kanak-kanak menjadi responden dalam aktiviti lukisan tersebut.

KAEDAH ANALISIS VISUAL KEPADA UNSUR-UNSUR SENI

Kajian menumpukan penggunaan unsur-unsur seni dalam kaedah analisis visual yang digunakan dalam menganalisis lukisan kanak-kanak. Kaedah ini dikaji dengan teliti kerana unsur-unsur seni kurang diberikan pendedahan dalam lukisan kanak-kanak dalam mengaitkan seni visual. Merujuk unsur dibawah, kanak-kanak kerap menggunakan garisan, rupa, bentuk dan warna. Manakala jalinan dan ruang jarang digunakan oleh kanak-kanak. Berikut dibawah merupakan proses analisis hasil lukisan kepada unsur-unsur seni yang digunakan pada contoh lukisan oleh Syed Ahmad Jamal bertajuk 'Tulisan'.



1.

Lukisan dilihat dengan lebih teliti dengan melihat keseluruhan lukisan.



2.

Pengkaji menfokuskan kesan garisan atas lukisan dari pandangan jauh penghasilan unsur garisan tersebut.



3. Kemudian tumpuan diberikan kepada apakah bentuk garisan tersebut. Merupakan rupa huruf jawi. Iaitu pada permulaan jim = ج paling besar dan kemudian memahami huruf sebelahnya iaitu shin = س. Perkataan disebalik belakang lukisan adalah 'alif = ا'. Keseluruhan ayat adalah S-A-J.

4. Proses seterusnya, melihat penggunaan warna pada lukisan secara menyeluruh. Warna digunakan di dalam lukisan seperti coklat, hijau hitam, biru, putih dan lain-lain lagi. Kemudian melihat keseluruhan lukisan kepada proses yang telah dijalankan.

Proses menganalisis lukisan dilihat dengan lebih teliti dengan menilai lukisan kepada unsur-unsur seni yang berkaitan. Kelebihan mengetahui unsur seni tersebut adalah mendalami pengetahuan asas-asas pengetahuan lukisan melalui lukisan 2D, 3D, perspektif, motif, jalinan, ruang, penggunaan bahan media dan lain-lain lagi. Hal tersebut dapat memberi keharmonian sebuah lukisan dan menarik perhatian penonton yang melihatnya. Kajian seterusnya menerangkan penggunaan unsur-unsur seni yang sering digunakan oleh kanak-kanak dalam menghasilkan lukisan.

PENGGUNAKAN UNSUR-UNSUR SENI DALAM LUKISAN

i) Garisan

Unsur garisan penggunaan dinamik yang bergerak kepada satu garisan kepada satu garisan yang lain membentuk pelbagai kenyataan seperti objek, subjek, simbol, motif dan perkara yang berkaitan ingin disampaikan oleh pengkarya. House & Singh (2007) menerangkan garisan yang dihasilkan tangan adalah ekspresi proses dinamik dalam menghasilkan geometrik atau imej. Selain itu menurut Hamid (2010), lukisan berupaya menyampaikan isyarat garisan yang mudah sebagai penunjuk arah, pernyataan salah atau benar melalui simbol-simbol, hingga menjelma bentuk-bentuk huruf yang menjadikan dasar asas pernyataan berbentuk tulisan.

ii) Rupa

Selain itu, menurut Davies (2018), pelukis berpengalaman juga memberitahu bahawa melakukan coretan asas adalah membantu otak mereka untuk melukis gambaran yang rumit. Penggunaan bentuk geometri adalah sangat membantu untuk membina haiwan, manusia, objek, lanskap, bangunan, kenderaan dan hampir pada semua subjek.

iii) Bentuk

Bermula latihan melukis unsur bentuk asas boleh bermula dengan mempraktikkan bahan bentuk organik dengan mencipta 2D kepada ilusi 3D (Jeyram, 2017). Contohnya, melukis bentuk bulat organik dan memotongnya dengan menambah bayang untuk memberikan kesan seolah-olah bentuk 3D tersebut wujud dalam di dalam bilik. Temubual Milton Glaser yang diterbitkan di Metropolis Magazine (Davinci Waldorf School, 2016), menjelaskan tiada instrumen yang lebih besar daripada penggunaan tangan dan pencil kerana ingin menghasilkan bentuk neologi (bidang perubatan - sistem manusia). Ini kerana penggunaan komputer berbeza dengan praktikal tangan kerana komputer berkemahiran untuk mencari sesuatu.

iv) Warna

Buku Arts & Communication Drawing and Painting (2017), menerangkan kumpulan warna dipengaruhi dengan menghasilkan perbezaan antara warna terang dan warna gelap. Hal tersebut membantu kita mengetahui kumpulan sifat warna panas (api, terbakar, panas, kuning, merah, oren) dan kumpulan sejuk (biru, sejuk, membeku, putih, salji). Tambahan lagi, pelukis melukis warna bersifat peribadi. Perkara tersebut adalah bergantung dengan pemilihan dan perasaan untuk mengatur atau mencampurkan warna tersebut. Lebih kerap seorang pelukis menggunakan warna, lagi meningkat kepekaan pelukis untuk memilih warna dengan baik.

DAPATAN KAJIAN

Hasil lukisan tiga orang kanak-kanak yang berbeza telah dipilih untuk menjalankan proses analisis visual. Proses analisis dilakukan bagi mengaitkan ulasan lukisan kepada pergerakan lakaran kanak-kanak dalam seni visual. Perbincangan berkenaan penggunaan unsur-unsur seni kanak-kanak dikaitkan dalam proses analisis tersebut. Terdapat empat lukisan pada setiap seorang kanak-kanak yang dipilih berdasarkan hasil lukisan. Lukisan tersebut mengaitkan perkembangan hasil lukisan kepada pergerakan lukisan kanak-kanak. Berikut merupakan penerangan berkenaan soalan yang diberikan kepada kanak-kanak.

Soalan Lukisan Kanak-Kanak

Soalan 1: Barang permainan kesukaan saya

Penerangan: Soalan menerangkan barang-barang permainan kesukaan kanak-kanak yang digunakan bersama mereka. Hal tersebut dapat mengenali barang-barang disekeliling mereka.

Soalan 2: Cita-cita saya

Penerangan: Mengetahui apakah cita-cita kanak-kanak apabila mereka membesar. Adakah menjadi karakter kartun atau bidang pekerjaan.

Soalan 3: Makanan kegemaran

Penerangan: Soalan tersebut menerangkan perbezaan makanan yang dimakan kanak-kanak pada kedua tempat iaitu luar bandar dan bandar. Hal tersebut akan mengingatkan masakan ibu yang dimakan olehnya.

Soalan 4: Pakaian sering dipakai

Penerangan: Pakaian juga mengingatkan kanak-kanak kepada sesuatu tempat yang perlukan mereka pakaian lengkap. Seperti sekolah perlu memakai unifom dan pergi bermain pergi memakai pakaian sukan mereka.

Soalan 5: Lakaran keluarga saya

Penerangan: Perkara kegembiraan kanak-kanak adalah ahli keluarga. Mereka akan melahirkan perasaan mereka melalui hasil lukisan tersebut.

Soalan 6: Aktiviti yang dilakukan di rumah

Penerangan: Pengkaji ingin mengetahui apakah aktiviti yang sering dilakukan oleh kanak-kanak semasa di rumah.

Lukisan Kanak-Kanak yang Dipilih

1) Identiti diri: Subjek 1

Tadika: Calph Mtyaz, Bandar Bukt Raja Klang, Selangor,

Umur: 5 tahun

Jantina: Lelaki.




Soalan 1: Barang permainan kesukaan saya



Soalan 2: Cita-cita saya



Soalan 3: Makanan kegemaran



Soalan 4: Aktiviti yang dilakukan di rumah

Gambar 5: Penghasilan lukisan kanak-kanak subjek 1

Ulasan: Kanak-kanak subjek 1 telah menghasilkan lukisan bermula pada satu lukisan kepada beberapa lukisan yang lain. Penghasilan lukisan yang dihasilkan bersahaja dan berhati-hati dalam garisan dalam penceritaan lukisan tersebut. Lakaran semakin lama semakin kurang hasil penceritaan kerana kanak-kanak telah meluahkan ideanya kepada lukisan sebelumnya.

Unsur seni yang digunakan:

Garisan: Garisan yang digunakan oleh subjek 1 kebanyakan adalah garisan beralun/organik, garisan yang dihasilkan adalah terang dan bersih. Keluruhan kanak-kanak tersebut dapat menggunakan garisan dengan baik.

Rupa: Subjek 1 telah menghasilkan rupa dengan efektif di mana, objek yang dihasilkan dapat di kenal pasti seperti kartun, binatang dinasor, robot dan subjek lukisan yang lain.

Bentuk: Penggunaan bentuk dalam subjek 1 mengaplikasikan bentuk-bentuk seperti bulatan, tiga segi dan empat segi dan bentuk bagi mewakili rangka subjek dihasilkan

Warna: Subjek 4 tidak menggunakan warna dalam lukisan.

2) Identiti diri: Subjek 2

Tadika Permata Hidayah, Pahang

Umur: 6 tahun

Jantina: perempuan



Soalan 1: Cita-cita saya



Soalan 2: Pakaian sering dipakai



Soalan 3: Lakaran keluarga saya



Soalan 4: Aktiviti cuti apabila di rumah

Gambar 6: Lukisan kanak-kanak subjek 2

Ulasan: Merujuk 4 lukisan tersebut, subjek 2 mempunyai reka bentuk lukisan yang tersendiri. Kanak-kanak memahami soalan kajian diberikan dan mengadaptasi lukisan kepada penceritaan lukisannya. Lukisan tersebut menggunakan subjek-subjek dalam kehidupannya untuk menghasilkan cerita. Antara subjek tersebut adalah perabot, manusia kenderaan, tumbuhan, jalan dan lain-lain lagi.

Unsur seni digunakan:

Garisan: Hasil garisan oleh subjek 2, menunjukkan kanak-kanak menggunakan garisan nipis dan halus dalam mengawal keseluruhan lukisan.

Rupa: Kanak-kanak subjek 2, dilihat mengawal hasil lukisan yang sama dengan menghasilkan reka bentuk yang sekata dari permulaan lukisan sehingga akhir. Kanak-kanak tersebut mempunyai gaya lukisan tersendiri.

Bentuk: Penggunaan bentuk dalam subjek 2, banyak menggunakan bentuk sebagai bahan lakarannya. Kanak-kanak tersebut mengetahui fungsi geometri boleh digunakan dalam lukisan untuk melakar lukisan susah.


Warna: Subjek 4 tidak menggunakan warna dalam lukisan

3) Identiti diri: Subjek 3


Tadika: Kemas Batu 39 Sabak Bernam Selangor

Umur: 4 tahun

Jantina: perempuan



Soalan 1: Barang permainan kesukaan



Soalan 2: Cita-cita saya



Soalan 3: Pakaian sering dipakai



Soalan 4: Lakaran bebas

Gambar 7: Lukisan kanak-kanak subjek 3

Ulasan: Secara keseluruhan lukisan subjek 3, kanak-kanak menggunakan lakaran kasar dan penekanan garisan dalam lakarannya. Pada permulaan, kanak-kanak menghasilkan garisan berulang-ulang pada bentuk bulatan. Kemudian, pada lukisan seterusnya kanak-kanak menukar media karyon dan menggunakannya pada lukisan seterusnya.

Unsur seni digunakan:

Garisan: Lukisan hasil subjek 3, menggunakan garisan tebal, nipis, penekanan dan bebas dalam lakaran lukisan. Kanak-kanak tersebut masih belajar menggunakan garisan dan peralatan lukisan.

Rupa: Penghasilan lukisan subjek 3, wujud menghasilkan subjek kanak-kanak tersebut. Tetapi tidak jelas hasil lukisan yang ingin dilukis.

Bentuk: Lakaran subjek 3, menggunakan bentuk pelbagai dalam lukisan seperti bulatan, empat segi, bentuk organik dan bentuk bebas

Warna: Kanak-kanak 3 memilih warna secara bebas untuk mewarnakan lukisan yang dihasilkan.

Kaedah analisis visual telah dijalankan bagi mengenalpasti unsur-unsur seni dalam lukisan kanak-kanak. Soalan praktikal yang diberikan kepada kanak-kanak perlu dijawab dalam bentuk lukisan. Gaya lukisan yang dilukis adalah bebas, kanak-kanak menjawab soalan berkaitan dengan tentang kehidupan seharian. Jawapan lukisan tersebut adalah daripada buah fikiran kanak-kanak dalam gambaran pengalaman kehidupan disekeliling mereka. Proses lukisan berlaku pergerakan melalui proses kehidupan kanak-kanak dari satu bentuk lukisan kepada bentuk lukisan yang lain. Oleh itu, proses seni digunakan pada hasil lukisan kanak-kanak dengan melakukan proses unsur-unsur seni bagi memahami hasil pergerakan lukisan kanak-kanak dengan lebih terperinci.

PERBINCANGAN

Berdasarkan proses lukisan kanak-kanak, mengkaji menfokuskan kepada beberapa perkara yang ingin dibincangkan dengan lebih mendalam. Penghasilan lukisan kanak-kanak dan lukisan sebenar mempunyai persamaan dan berbezaan yang ketara. Kedua-duanya meneliti proses lakaran kasar yang sama tetapi lakaran kasar pada pengkarya menjadi sebuah lukisan yang lengkap seperti permula dengan lakaran idea, pengcatan dan proses pameran. Pengkarya sebenar melalui proses cabaran berat dalam melalui proses kesilapan dan percubaan dalam menjalani latihan menjadi seorang pelukis sebenar.

Selain itu, kanak-kanak mempunyai gerakan lukisan yang istimewa dalam menghasilkan lukisan. Lukisan kanak-kanak membantu untuk meluahkan perasaan berdasarkan buah pemikiran. Soalan praktikal yang diberikan adalah berdasarkan pengalaman kehidupan disekelilingnya. Pada mulanya, lukisan tersebut dilakar sedikit demi sedikit dan berkembang daripada tindak balas idea yang difikirkan. Proses lukisan yang dihasilkan menjadi sebuah lukisan penceritaan yang bergerak dari satu lukisan kepada satu lukisan yang lain. Pada mulanya lukisan kanak-kanak adalah bentuk kecil sahaja, tetapi pemikiran kehidupan dan perkembangan idea menggerakkan hasil lukisan tersebut. Hal demikian, dapat mengetahui bagaimana kehidupan kanak-kanak yang lalu mereka dilakar pada sebuah kertas.

Seterusnya, proses lakaran kasar kanak-kanak dikaji dengan lebih teliti melalui unsur-unsur seni. Unsur-unsur seni dianalisis bagi mengetahui konsep asas-asas seni bagi mengetahui cara melukis dengan lebih berkesan. Proses tersebut memberi pengetahuan kepada kanak-kanak cara pembelajaran proses menghasilkan lukisan agar mengetahui cara yang betul. Sebagai contoh, kanak-kanak melakukan proses lakaran kasar dengan menggunakan bentuk geometri untuk menghasilkan lukisan. Begitu juga pelukis melakar bentuk geometrik terlebih dahulu sebelum melukis bentuk yang sebenar. Hal tersebut memudahkan pelukis untuk memahami unsur seni lukisan sebelum melukis. Proses lukisan kanak-kanak dan lukisan orang dewasa melalui proses yang sama. Oleh itu, lukisan kanak-kanak mempunyai kelebihan keistimewaan tersendiri dalam menghasilkan lukisan yang boleh dikaji dengan lebih mendalam.

KESIMPULAN

Secara kesimpulan, kajian meneroka proses pergerakan proses lukisan kanak-kanak kepada hasil lakaran kasar. Pergerakan proses tersebut dilihat menghasilkan lakaran kepada bentuk pengembangan lukisan kanak-kanak kepada satu lukisan kepada satu lukisan yang lain. Hal tersebut meneroka hasil soalan yang diberikan berkaitan dengan jawapan pengalaman kehidupan kanak-kanak pada bentuk lukisan. Lukisan kanak-kanak dikumpulkan bagi menjalani proses analisis visual bagi mengetahui apakah unsur yang sering digunakan mereka. Penggunaan unsur-unsur seni tersebut mengaitkan kepada asas-asas seni bidang pembelajaran seni visual. Penerangan proses analisis visual kepada lukisan kanak-kanak dilakukan untuk membantu memahami lukisan dengan lebih berkesan bagi mengaitkan proses lukisan sebenar kepada proses lukisan kanak-kanak. Berdasarkan kajian ini, aktiviti soalan lukisan terhadap kehidupan kanak-kanak dapat diteruskan oleh guru-guru. Hal ini kerana aktiviti tersebut dapat mengasah minda kanak-kanak dan memberikan idea kepada guru-guru untuk menambah latihan praktikal untuk kanak-kanak. Selain itu, lukisan merupakan alat komunikasi untuk meluahkan perasaan kanak-kanak di atas kertas. Melakukan soalan lukisan itu, dapat mengetahui emosi kanak-kanak seperti gembira, sedih, marah atau muram bagi mengetahui perasaan kanak-kanak. Pengkaji berharap kajian ini dapat memberikan inspirasi dalam pengajaran kanak-kanak dan meneroka persepsi baru dalam proses analisis lukisan kanak-kanak.

RUJUKAN

- Abdul, M., Ismail, H., Mohamad, I., & Osman, Z. (2019). Perkembangan Emosi Kanak-Kanak Menggunakan Kaedah Pengajaran Berasaskan Aktiviti Muzik. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, 8, 17-23.
- Chamberlain, R., & Wagemans, J. (2015). *The genesis of errors in drawing*. Diperoleh semula daripada <https://core.ac.uk/download/pdf/80686157.pdf>
- Cherney, I. D., Seiwert, C. S., Dickey, T. M., & Flichtbeil, J. D. (2006). Children's Drawings: A mirror to their minds. *Educational Psychology*, 26(1), 127-142.
- Davies, B. (2018). *How to Start Drawing Using Simple Shapes*. Diperoleh semula daripada <https://www.arttutor.com/blog/201801/how-start-drawing-using-simple-shapes%20>
- Davinci Waldorf School (2016). *The Practical and Creative Art of Form Drawing*. Diperoleh semula daripada <https://www.waldorfeducation.org/news-resources/essentials-in-education-blog/detail/~board/essentials-in-ed-board/post/the-practical-and-creative-art-of-form-drawing>
- Hamid, M. J. (2010). *Metodologi pendidikan seni visual*. Tanjung Malim Perak: UPSI.
- Hanafi, J., Ramli, S., & Musa Kahn, S. (2014). Kreativiti Menerusi Modul Bertema: Guru Menjana Atau Menghalang Perkembangan Kreativiti Kanak-Kanak? *Jurnal Pengajian Melayu*, 24,(1),138-157.
- Hardy, W. (2011). *Topik 1: Konsep dan Latar Belakang Seni dalam Pendidikan*. Diperoleh semula daripada https://www.slideshare.net/ayashi_chan/topik-1-konsep-dan-latar-belakang-seni-dalam-pendidikan
- Hendri, Z., Rohidi, T. R., Sayuti, S. A., & Soesanto. (2017). Contextualization of Children's Drawings in the Perspective of Shape and Adaptation of Creation and the Model of Implementation on Learning Art at Elementary School. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 8(5), 93-101.
- House, D. H., & Singh, M. (2007). Line Drawing as a Dynamic Process. *Proceedings of the Pacific Conference on Computer Graphics and Applications*, 1-10.
- Ibharim, L. M., & Yatim, M. M. (2013). Kreativiti dan Kemahiran Kanak-Kanak dalam Mereka Bentuk Permainan Digital bagi Tujuan Pembelajaran. *Journal of ICT in Educatio*, 1, 1-8. Doi:2289-7844
- Jamaluddin, N. (2014). *Luahan rasa melalui seni abstrak*. Diperoleh semula daripada <https://www.utusan.com.my/berita/wilayah/kl-putrajaya/luahan-rasa-melalui-seni-abstrak-1.27166>
- Jeyram. (2017). *Basic Forms*. Diperoleh semula daripada <https://www.jeyram.org/forms>
- Kevle, G. (2012). *Leonardo da Vinci : anatomical drawings*. Diperoleh semula daripada https://www.academia.edu/4033683/Leonardo_da_Vinci_anatomical_drawings

- Kimwah, J., & Arus, H. B. (2017). Kajian Terhadap Perkembangan Pelukis Tempatan: Sylvester Wielding Jussem. *Gendang Alam*, 7, 53-72.
- Laugahong, M. P. (2020). *Psv3103 Minggu 7-Imaginasi Dan Kreativiti Kanak-kanak*. Diperoleh semula daripada <https://pdfcoffee.com/psv3103-minggu-7-imaginasi-dan-kreativiti-kanak-kanak-pdf-free.html#Molly+Peter+Laugahong>
- Leonardo da Vinci Biography*. (2012). Diperoleh semula daripada https://www.academia.edu/9802355/Leonardo_da_Vinci_Biography
- Lowenfeld, V., & Brittain, W. (1964). *Creative and Mental Growth*. New York: The Macmillan Company. Diperoleh semula daripada <https://ia800702.us.archive.org/10/items/creativementalgr00/creativementalgr00.pdf>
- Majid, N. A., Nordin, A., & Kamarodzan, N. (2015). Penjanaan Idea Kreatif Lukisan Kanak-Kanak Menerusi Kaedah Imitasi. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, 9, 124-136.
- Mcadam, H. (2014). *Art Movements*. Diperoleh semula daripada <http://www.noteshanger.in/pdf/AMessay.pdf>
- Noordin, A. I. (2019). *Bila melukis, saya lukis semua orang - Lat*. Diperoleh semula daripada <https://www.malaysiakini.com/news/489918>
- Ostrofsky, J., Kozbelt, A., Tumminia, M., & Cipriano, M. (2016). Why Do Non-Artists Draw the Eyes Too Far Up the Head? How Vertical Eye-Drawing Errors Relate to Schematic Knowledge, Pseudoneglect, and Context-Based Perceptual Biases. *Psychology of Aesthetics, Creativity, and the Arts*, 1-14.
- Omatseye, B. O., & Emeriewen, K. O. (2013). Every Picture Tells A Story: Stages of Art Development in Children. *Afrrev Ijah*, 2, (3), 36-52.
- Park, J. A., & Kim, Y. (2007). Visual Reasoning and Design Progresses. *International Conference On Engineering Design, Iced'07*, 1-12.
- Saat, M. M. (2006). Lukisan sebagai Media Ekspresi, Naratif dan Analisis bagi Kanak-Kanak. *Wacana Seni Journal of Art Discourse*, 5, 117-126.
- Sağlam, M., & Aral, N. (2016). Child and Drawing. In *Developments in Educational Sciences* (pp. 46-59). St. Kliment Ohridski university Press. Diperoleh semula daripada https://www.researchgate.net/publication/316877529_Child_and_Drawing
- Sampurno, M. (2017). Learning Through Children's Paintings. *Proceeding of 2nd International Conference of Arts Language And Culture*, 405-413.
- Taisin, N. (2018). Aktiviti Melukis Meningkatkan Keyakinan Diri Dalam kalangan Kanan-Kanak. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak*, 19-29.
- Titus, A. (2014). *Definisi Pentaksiran dan Penilaian*. Diperoleh semula daripada https://www.academia.edu/5622834/Definisi_Pentaksiran_dan_Penilaian